

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai "IKHLAS Mortgage Reducing Personal Accident (MRPA) Takaful". Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (Ahli PIDM)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS MORTGAGE REDUCING PERSONAL ACCIDENT (MRPA) TAKAFUL

Date:

1. Produk apakah ini?

Sijil Takaful ini melindungi Peserta Takaful terhadap kecederaan tubuh badan yang menyebabkan kematian atau hilang keupayaan kekal yang berlaku di mana-mana di dunia dan disebabkan semata-mata oleh kemalangan melainkan jika dikecualikan secara khusus. Perlindungan ini adalah selama 24 jam sehari.

Manfaat yang dibayar adalah Amaun Dilindungi semasa mengikut penyusutan dalam jumlah pembiayaan dalam satu tempoh tertentu.

Tempoh Takaful bergantung kepada tempoh pembiayaan seperti yang telah dipersetujui diantara Peserta Takaful dan pembiayaan.

2. Apakah konsep-konsep Shariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama.
- **Wakalah** - merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (Ujrah) akan dibayar kepada pihak Syarikat..

Nota: "pihak Syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas General Berhad.

3. Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Sijil Takaful ini melindungi:-

- **Kematian akibat kemalangan**

Apabila berlaku kematian Peserta Takaful akibat kemalangan, Amaun Dilindungi Semasa akan dibayar kepada pembiayaan.

- **Hilang Keupayaan Kekal dan Menyeluruh akibat kemalangan**

Apabila berlaku hilang upaya kekal dan menyeluruh ke atas Peserta Takaful, Amaun Dilindungi semasa mengikut peratusan di dalam Jadual Manfaat akan di bayar kepada pembiayaan.

Nota: Sila rujuk kepada Skala Pampasan untuk kematian dan hilang keupayaan kekal di dalam Sijil Takaful

4. Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu saya bayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada amaun perlindungan, kelas pekerjaan, kadar keuntungan, tempoh takaful dan sama ada sumbangan termasuk dalam pembiayaan.

Sebagai Contoh:

- Amaun Perlindungan : RM100,000
- Kelas Pekerjaan : 1
- Kadar Keuntungan : 7.00% p.a.
- Tempoh Takaful : 33 tahun (termasuk tempoh interim)
- Sumbangan termasuk dalam pembiayaan : Ya

Sumbangan Takaful (tanpa cukai dan duti setem) : RM 4,010.00

*Nota: Kelas Pekerjaan merujuk kepada:

Kelas 1: Profesional, pentadbiran, pengurusan, perkeranian, dan pekerjaan bukan manual.

Kelas 2: Pekerjaan penyeliaan tetapi tidak dalam pekerjaan manual.

Kelas 3: Terlibat secara am dalam kerja manual. Cth: pembersih, pekerjaan binaan, penunggang penghantaran, pekerja ladang, pekerja pengeluaran, pekerja kilang papan, juruteknik. (senarai contoh tidak lengkap)

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful :-

- Cukai yang digunakan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful :-

- Yuran Wakalah –
 - ✓ Komisen : Sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : Sehingga 45% daripada Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu anda jelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Pampasan/ Ganti Rugi

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan kekal berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful.

Waranti Sumbangan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa Sijil Takaful/ endosmen/ pembaharuan Sijil Takaful.
- Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak Takaful ini dibatalkan secara automatik dan pihak Syarikat berhak ke atas Sumbangan Takaful pro rata dalam tempoh pihak Syarikat menanggung risiko.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau atau didermakan kepada badan amal bagi peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat. Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebihan daripada Dana Risiko pada masa depan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pemindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

Prosedur Tuntutan

- Dalam kes kematian atau hilang keupayaan kekal, Anda hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Notis bertulis hendaklah diberikan kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.
- Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Anda boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
- Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.
- Segala maklumat Sijil Takaful dan bukti di dalam bentuk dan keadaan yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan oleh Anda atau wakil sah Anda, di atas tanggungannya sendiri. Anda hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan seberapa kerap yang diperlukan, di atas tanggungannya sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan Kecederaan Tubuh Badan. Dalam kes kematian, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran dijalankan, dan Kami boleh menghantar wakil Kami semasa pemeriksaan post mortem ke atas mayat Orang Yang Dilindungi. Kami mempunyai hak untuk menjalankan autopsi di atas tanggungan Kami sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau orang awam yang mana Peserta Takaful secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Bahan senjata nuklear atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.

Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang terjadi sendiri.

- Hilang akal, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaan oleh Peserta Takaful.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak Syarikat. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi baki tempoh Takaful atau sumbangan minimum di bawah Sijil Takaful ini. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

Nota: Terdapat caj Yuran Pembatalan sekiranya anda meminta untuk membatalkan Sijil Takaful anda.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai perubahan maklumat perhubungan anda termasuk perubahan pekerjaan dan matlamat peribadi yang boleh menjelaskan profil risiko.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 03-2723 9696

Faks : 03-2723 9998

Laman Sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11. Produk seumpama yang boleh didapati.

- IKHLAS Personal Accident Takaful
- IKHLAS Motorist PA Takaful

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my)

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA TAKAFUL ANDA ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terdapat dalam Helaian Keterangan Produk ini sah pada 01/04/2024.